

BAB 4

KAEDAH KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan dalam bentuk pengumpulan dan analisis data yang dibuat berdasarkan ujian dan soal selidik. Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan kaedah penyelidikan untuk mengumpulkan data dan seterusnya cara menganalisis data tersebut. Perkara-perkara lain yang berkaitan seperti contohan kajian dan penentu kesalahan turut disentuh untuk memperlihatkan hubungan antara kumpulan yang dijadikan contohan kajian dengan keputusan yang diperoleh.

4.2 Contohan Kajian

Contohan kajian melibatkan empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor. Ini termasuklah Sekolah Menengah (Persendirian) Hin Hua, Sekolah Menengah (Persendirian) Chung Hua, Sekolah Menengah (Persendirian) Kwang Hua dan Sekolah Menengah (Persendirian) Pin Hua. Ada di antara pelajar sekolah-sekolah berkenaan yang tinggal di asrama dan ada juga yang berulang alik ke rumah masing-masing. Sistem pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut agak berbeza daripada Sekolah Menengah Kebangsaan. Pelajar-pelajar akan menduduki peperiksaan bersama Sekolah-sekolah Persendirian Cina. Pelajar Sekolah-sekolah

Menengah Cina Persendirian memulakan persekolahan menengah mereka pada tahap ‘Junior I’, diikuti dengan ‘Junior II’ dan ‘Junior III’. Setelah tamat ‘Junior III’ serta lulus peperiksaan ‘Junior Middle III’, mereka akan meneruskan pelajaran mereka ke ‘Senior Middle I’, ‘Senior Middle II’ dan ‘Senior Middle III’. Setelah tamat ‘Senior Middle III’, pelajar-pelajar ini akan meneruskan pelajaran mereka ke kolej-kolej swasta di dalam negara atau ke universiti-universiti di luar negara.

Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian juga membuka peluang kepada pelajar-pelajar ‘Junior III’ yang berminat untuk menduduki peperiksaan PMR manakala pelajar-pelajar ‘Senior Middle II’ pula diberi peluang untuk menduduki Peperiksaan SPM. Mereka yang akan menduduki peperiksaan awam ini akan diberikan kelas-kelas tambahan pada sebelah petang atau malam. Pelajar-pelajar yang menjadi contohan dalam kajian ini ialah mereka yang menduduki Peperiksaan SPM 2000.

Penyelidik memilih sekolah-sekolah berkenaan selaku responden kajian kerana:

1. Penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian.
2. Pada asasnya sekolah-sekolah ini lebih mementingkan bahasa Mandarin. Adakah ini akan mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar?
3. Penyelidikan tentang tahap penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor secara menyeluruh dan serentak belum pernah dibuat.
4. Pengkaji mudah berurusan dengan keempat-empat sekolah berkenaan kerana pengkaji menjadi penasihat akademik

(Peperiksaan PMR dan SPM) yang telah berkhidmat selama dua belas tahun.

4.3 Proses Pengumpulan Data

Kesalahan tatabahasa yang merangkumi aspek ejaan, morfologi, dan sintaksis menjadi tumpuan utama dalam kajian ini. Contohan yang menjadi sampel kajian ialah pelajar-pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor. Proses pengumpulan data dirancang dengan teliti. Penyelidik menggunakan kaedah “*intact grouping*” yang dipakai oleh Tsai dan Pohl (1977). Kaedah ini mengambil keseluruhan ahli populasi kajian sebagai sampel kajian. Oleh itu, sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar di empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian, yang melibatkan seramai 400 orang.

Penyelidik menggunakan ahli populasi selaku sampel kajian ini bagi mengurangkan ralat persampelan seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Majid (1993).

Pemilihan pelajar bagi tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu dengan menganalisis kesalahan bahasa mereka. Untuk tujuan tersebut, setiap pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan yang disediakan rangkanya serta menjawab soal selidik mengenai latar belakang mereka dengan lengkap. Soal selidik tersebut mempunyai dua bahagian, iaitu A dan B.

Soal selidik bagi bahagian A berkaitan dengan latar diri pelajar.

Maklumat yang terkandung dalam bahagian ini ialah mengenai nama, jantina, aliran akademik, nama sekolah, pencapaian peperiksaan bahasa Melayu, bahasa pertuturan di sekolah dan di luar sekolah, bahasa pertuturan dengan keluarga, minat belajar bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi, kekerapan meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah dalam sebulan, minat membaca dan mendengar cerita dalam bahasa Melayu, persekitaran tempat tinggal dan kawasan tempat tinggal. Maklumat ini berguna untuk membantu penyelidik membuat penggolongan berdasarkan ciri-ciri tersebut. Maklumat ini juga adalah untuk memberikan gambaran terhadap penguasaan ejaan dan tatabahasa bahasa Melayu pelajar.

Soal selidik bagi bahagian B pula mengandungi lima soalan yang berhubung dengan pencapaian tertinggi akademik ibu bapa/penjaga, pekerjaan ibu bapa/penjaga dan pendapatan bulanan mereka. Maklumat ini penting untuk menggolongkan pelajar-pelajar kepada kumpulan status sosioekonomi keluarga tinggi dan rendah.

Soal selidik ini dikendalikan oleh guru-guru sekolah dan penyelidik sendiri kepada semua pelajar yang menjadi responden kajian pada hari dan waktu yang berlainan. Contoh tajuk dan rangka karangan terdapat dalam lampiran II, manakala contoh borang soal selidik terdapat dalam lampiran III.

4.4 Proses Analisis Kajian

Beberapa langkah telah digunakan untuk menjalankan rancangan penyelidikan sebagai kerangka teoritisnya.

Analisis kesalahan bahasa secara terancang akan dapat membantu proses mempelajari sesuatu bahasa mahupun memperbaiki kurikulum pengajaran bahasa (Ibrahim Ahmad, 1986: 611). Satu pendekatan perlu diwujudkan sebelum sesuatu kajian dilakukan terhadap kesilapan bahasa (Shama, 1981). Pendekatan tersebut dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu:

1. Teori salah betul sesuatu bahasa yang dikaji.
2. Ujian untuk mendapatkan kekerapan kesalahan bahasa.
3. Memilih sampel kajian.
4. Mengelaskan aspek-aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh sampel.

Penyelidik membuat satu rumusan sebagai prosedur kerja kepada kajian analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor. Prosedur kerja tersebut ialah:

1. Memilih sampel kajian pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor.
2. Mengumpulkan data, iaitu kesalahan berbahasa yang dibuat oleh pelajar hasil tulisan sebuah karangan.

3. Mengenal pasti dan mengklasifikasikan kesalahan-mengenali dan memilih kesalahan berdasarkan ejaan, unsur-unsur morfologi dan sintaksis.
4. Memeringkatkan kesalahan – berdasarkan pemboleh-pemboleh ubah (jantina, aliran akademik, status sosioekonomi keluarga, pencapaian peperiksaan bahasa Melayu, bahasa pertuturan dengan rakan di sekolah dan di luar sekolah, bahasa pertuturan dengan keluarga, minat belajar bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi, kekerapan meminjam buku berbahasa Melayu di perpustakaan, minat membaca dan mendengar cerita, persekitaran tempat tinggal dan kawasan tempat tinggal).
5. Membuat rumusan.

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan dengan lancar dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada semua pentadbir sekolah yang berkenaan. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam contohan kajian ini dapat memahami arahan-arahan yang diberikan dengan baik dan dapat menulis karangan dalam suasana yang selesa. Secara tidak langsung, ujian yang dijalankan ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi.

4.5 Penentuan Kesalahan

Kesalahan ialah unsur bahasa yang tidak dapat diterima sebagai bentuk yang gramatis, yang dapat dihuraikan kesalahannya dari segi tatabahasa bahasa Melayu. Kesalahan ditentukan berdasarkan penyimpangan sesuatu bentuk bahasa dalam konteks sistem bahasa Melayu baku, iaitu sistem yang diterima oleh umum sebagai bentuk yang betul dan mematuhi hukum tatabahasa formal. Huraihan tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kajian ini berasaskan buku *Tatabahasa Dewan Edisi Bahru 1996*.

4.5.1 Kesalahan Ejaan

Salah satu kesalahan ejaan pelajar yang dikesan didapati disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Cara menyebut perkataan yang tidak betul dalam bahasa Melayu mempengaruhi cara perkataan tersebut ditulis kerana perkataan itu dieja menurut sebutannya. Kesalahan ejaan juga berlaku akibat pengaruh bahasa Melayu basahan (kolokial) atau berpunca daripada kejahilan pelajar dalam mengeja sesuatu perkataan.

Beberapa contoh kesalahan ejaan adalah seperti yang berikut:

Salah : ... membina **sekekoh** yang tajam.

Betul : ... membina **selekoh** yang tajam.

Salah : ... suasana yang **berjelebu**.

Betul : ... suasana yang **berjerebu**.

Salah : Pihak JPJ perlu mengadakan pemeriksaan **mengelut** ...

Betul : Pihak JPJ perlu mengadakan pemeriksaan **mengejut** ...

Salah : ... pada **musin** perayaan.

Betul : ... pada **musim** perayaan.

Salah : **Kebanyakkan** kemalangan berpunca daripada sikap manusia.

Betul : **Kebanyakan** kemalangan berpunca daripada sikap manusia.

Salah : Hukuman boleh dikenakan **samada** ringan atau berat.

Betul : Hukuman boleh dikenakan **sama ada** ringan atau berat.

4.5.2 Kesalahan Morfologi

Terdapat beberapa jenis kesalahan morfologi yang dilakukan oleh para pelajar. Antaranya adalah seperti yang disenaraikan. Tiap-tiap kategori diberi singkatan (M1, M2 dan sebagainya); adakalanya kategori-kategori ini mengandungi subkategori sendiri.

A) Kesalahan Pilihan Perkataan (M1)

Kesalahan ini terbit daripada tindakan tidak memilih perkataan yang sesuai.

Beberapa contoh kesalahan pilihan perkataan (M1) adalah seperti yang berikut:

Salah : ... memandu dengan **deras**.

Betul : ... memandu dengan **laju**.

Salah : Kerajaan perlu **memaksa** orang ramai supaya menggunakan jejantas.

Betul : Kerajaan perlu **menggalakkan** orang ramai supaya menggunakan jejantas.

Salah : ... menggunakan telefon **tangan**.

Betul : ... menggunakan telefon **bimbit**.

Salah : ... jalan yang tidak **tampal**.

Betul : ... jalan yang tidak **berturap**.

Salah : ... **memberi** hukuman yang berat kepada mereka yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya.

Betul : ... **mengenakan** hukuman yang berat kepada mereka yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya.

Salah : ... **mendirikan** ceramah tentang keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah.

Betul : ... **mengadakan** ceramah tentang keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah.

B) Kesalahan Imbuhan (M2)

Terdapat pelbagai jenis kesalahan berkaitan dengan penggunaan imbuhan.

Kajian ini mendapati bahawa kesalahan penggunaan imbuhan ini terjadi kerana

pelajar tidak menggunakan imbuhan pada perkataan yang sepatutnya mempunyai imbuhan, menggunakan imbuhan secara salah, menggunakan bentuk aktif pada tempat yang sepatutnya pasif, dan tidak tepat menggunakan imbuhan. Kesalahan utama penggunaan imbuhan berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda pelajar yang memang tiada sistem pengimbuhan. Beberapa contoh kesalahan imbuhan adalah seperti yang berikut:

(I) Tidak menggunakan imbuhan pada perkataan yang sepatutnya mempunyai imbuhan.

Salah : Kerajaan harus **ada** Kempen Keselamatan Jalan Raya.

Betul : Kerajaan harus **mengadakan** Kempen Keselamatan Jalan Raya.

Salah : Pihak yang berkenaan haruslah **hukum** mereka.

Betul : Pihak yang berkenaan haruslah **menghukum** mereka.

Salah : Pemandu harus selalu **waspada** dan berhati-hati.

Betul : Pemandu harus selalu **berwaspada** dan berhati-hati.

Salah : Keadaan ini merupakan tanda **makmur** sesebuah negara.

Betul : Keadaan ini merupakan tanda **kemakmuran** sesebuah negara.

Salah : ... menyalaikan lampu kenderaan supaya dapat **lihat** dengan lebih jelas.

Betul : ... menyalaikan lampu kenderaan supaya dapat **melihat** dengan lebih jelas.

Salah : Kawasan rehat di lebuh raya dibina untuk **mudah** pengguna-pengguna berehat apabila letih.

Betul : Kawasan rehat di lebuh raya dibina untuk **kemudahan** pengguna-pengguna berehat apabila letih.

(II) Menggunakan Imbuhan Secara Salah

(i) Tiada awalan

Salah : ... menyedarkan pemandu supaya **utamakan** keselamatan mereka.

Betul : ... menyedarkan pemandu supaya **mengutamakan** keselamatan mereka.

Salah : Pemandu haruslah **pastikan** kenderaan mereka selamat digunakan.

Betul : Pemandu haruslah **memastikan** kenderaan mereka selamat digunakan.

Salah : Kita harus **kurangkan** kadar kemalangan di jalan raya.

Betul : Kita harus **mengurangkan** kadar kemalangan di jalan raya.

Salah : Kemalangan juga disebabkan oleh **tambahan** kenderaan bermotor.

Betul : Kemalangan juga disebabkan oleh **pertambahan** kenderaan bermotor.

Salah : Murid-murid hendaklah menjaga **selamat** diri ketika di jalan raya.

Betul : Murid-murid hendaklah menjaga **keselamat** diri ketika di jalan raya.

- Salah : Mereka tidak bertanggungjawab terhadap **buatan** mereka.
- Betul : Mereka tidak bertanggungjawab terhadap **perbuatan** mereka.
- (ii) Tiada Akhiran
- Salah : **Kebelakang** ini kadar kemalangan di jalan raya semakin meningkat.
- Betul : **Kebelakangan** ini kadar kemalangan di jalan raya semakin meningkat.
- Salah : Kadar kemalangan dapat **dikurang** melalui penguatkuasaan undang-undang.
- Betul : Kadar kemalangan dapat **dikurangkan** melalui penguatkuasaan undang-undang.
- Salah : Sistem jalan raya yang kurang sempurna akan **menyebab** berlakunya kemalangan.
- Betul : Sistem jalan raya yang kurang sempurna akan **menyebabkan** berlakunya kemalangan.
- Salah : Kementerian Pendidikan haruslah **mengada** ceramah tentang keselamatan di jalan raya kepada pelajar-pelajar sekolah.
- Betul : Kementerian Pendidikan haruslah **mengadakan** ceramah tentang keselamatan di jalan raya kepada pelajar-pelajar sekolah.
- Salah : Pemandu harus mengikut syarat-syarat yang telah **ditetap** oleh kerajaan.
- Betul : Pemandu harus mengikut syarat-syarat yang telah **ditetapkan** oleh kerajaan.

Salah : ... dapat **menyelesai** masalah.

Betul : ... dapat **menyelesaikan** masalah.

(iii) Tiada Apitan

Salah : Kemalangan berpunca daripada **cuai** manusia.

Betul : Kemalangan berpunca daripada **kecuaian** manusia.

Salah : Kempen keselamatan jalan raya **ada** untuk menyedarkan pemandu ...

Betul : Kempen keselamatan jalan raya **diadakan** untuk menyedarkan pemandu ...

Salah : Kawasan rehat di lebuh raya dibina untuk **mudah** pengguna-pengguna berehat apabila letih.

Betul : Kawasan rehat di lebuh raya dibina untuk **memudahkan** pengguna-pengguna berehat apabila letih.

Salah : **Sesak** lalu lintas boleh memeningkan kepala.

Betul : **Kesesakan** lalu lintas boleh memeningkan kepala.

Salah : Pihak polis perlu memberi sedikit **hati** terhadap masalah ini.

Betul : Pihak polis perlu memberi sedikit **perhatian** terhadap masalah ini.

Salah : ... kenderaan perlu diperiksa dalam tempoh masa yang **tetap**.

Betul : ... kenderaan perlu diperiksa dalam tempoh masa yang **ditetapkan**.

(iv) Menggunakan bentuk aktif pada tempat yang sepatutnya bentuk pasif

Salah : Mereka yang bersalah perlu **mengenakan** hukuman.

Betul : Mereka yang bersalah perlu **dikenakan** hukuman.

Salah : Pemandu yang berhemah tinggi selalunya **menyanjung** oleh orang lain.

Betul : Pemandu yang berhemah tinggi selalunya **disanjung** oleh orang lain.

Salah : Papan tanda perlu **meletakkan** di tempat yang strategik.

Betul : Papan tanda perlu **diletakkan** di tempat yang strategik.

Salah : Semasa memandu pada waktu malam lampu perlu **menyalakan**.

Betul : Semasa memandu pada waktu malam lampu perlu **dinyalakan**.

Salah : Kadar kematian di jalan raya dapat **mengurangkan** dengan mengambil langkah-langkah keselamatan.

Betul : Kadar kematian di jalan raya dapat **dikurangkan** dengan mengambil langkah-langkah keselamatan.

Salah : Lampu isyarat harus segera **membaiki** apabila rosak.

Betul : Lampu isyarat harus segera **dibaiki** apabila rosak.

(v) Tidak tepat menggunakan imbuhan

Salah : Kemajuan pesat negara menyebabkan **bertambah** bilangan kenderaan.

Betul : Kemajuan pesat negara menyebabkan **pertambahan** bilangan kenderaan.

Salah : Pihak **berkuasaan** haruslah ...

Betul : Pihak **berkuasa** haruslah ...

Salah : ... memberi **kerjasamaan** yang secukupnya.

Betul : ... memberi **kerjasama** yang secukupnya.

Salah : Pihak **penguatkuasaan** perlu menjalankan tugas ...

Betul : Pihak **penguatkuasa** perlu menjalankan tugas ...

Salah : Langkah-langkah yang dijalankan tidak **mengesan**.

Betul : Langkah-langkah yang dijalankan tidak **berkesan**.

Salah : Mereka sangat suka **melumba** kereta secara haram.

Betul : Mereka sangat suka **berlumba** kereta secara haram.

C) Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda (M3)

Hasil daripada penyelidikan, didapati bahawa kesalahan pelajar disebabkan mereka menggunakan bentuk ganda pada tempat yang tidak sepatutnya berganda atau sebaliknya. Antara kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

Salah : ... kepada semua **guru-guru**

Betul : ... kepada semua **guru**

Salah : ... menjalankan **berbagai** kegiatan.

Betul : ... menjalankan **berbagai-bagai** kegiatan.

Salah : ... menjalankan **pelbagai-bagai** aktiviti.

Betul : ... menjalankan **pelbagai** aktiviti.

Salah : ... masalah ini telah merunsingkan **rakyat-rakyat** negara kita.

Betul : ... masalah ini telah merunsingkan **rakyat** negara kita.

Salah : ... melibatkan dua buah **kereta-kereta**.

Betul : ... melibatkan dua buah **kereta**.

Salah : **Mereka-mereka** yang bersalah perlu dihukum ...

Betul : **Mereka** yang bersalah perlu dihukum ...

D) Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama (M4)

Daripada pemerhatian penyelidikan, ada empat jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, iaitu tidak menggunakan kata sendi nama pada tempat yang sepatutnya, salah menggunakan kata sendi nama, menggunakan kata sendi nama pada tempat yang tidak perlu, dan tidak tepat menggunakan kata sendi nama. Antara kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

- (i) Tidak menggunakan kata sendi nama pada tempat yang sepatutnya

Salah : ... terutama ketika orang ramai hendak pulang kampung.

Betul : ... terutama ketika orang ramai hendak pulang **ke** kampung.

Salah : Pemandu akan melajukan kenderaan mereka supaya sampai destinasi dengan cepat.

Betul : Pemandu akan melajukan kenderaan mereka supaya sampai **ke** destinasi dengan cepat.

Salah : Pihak berkuasa diminta mengenakan hukuman pemandu yang bersalah.

Betul : Pihak berkuasa diminta mengenakan hukuman **kepada** pemandu yang bersalah.

Salah : ... memandu laju untuk segera sampai.

Betul : ... memandu **dengan** laju untuk segera sampai.

Salah : ... mencegah kemalangan berlaku.

Betul : ... mencegah kemalangan **daripada** berlaku.

Salah : Langkah-langkah lain yang dapat diambil pihak polis dan JPJ ialah ...

Betul : Langkah-langkah lain yang dapat diambil **oleh** pihak polis dan JPJ ialah ...

(ii) Salah menggunakan kata sendi nama

Salah : Mereka yang datang **daripada** utara.

Betul : Mereka yang datang **dari** utara.

Salah : Kemalangan biasanya berlaku **di** waktu malam.

Betul : Kemalangan biasanya berlaku **pada** waktu malam.

Salah : ... **pada** persimpangan jalan itu.

Betul : ... **di** persimpangan jalan itu.

Salah : ... hendak sampai dengan cepat **di** tempat yang dituju.

Betul : ... hendak sampai dengan cepat **ke** tempat yang dituju.

Salah : Kita boleh membaca **pada** surat khabar tentang kemalangan **di** jalan raya.

Betul : Kita boleh membaca **melalui** surat khabar tentang kemalangan **di** jalan raya.

Salah : Sistem jalan raya yang baik amat penting **pada** semua pemandu.

Betul : Sistem jalan raya yang baik amat penting **kepada** semua pemandu.

(iii) Menggunakan kata sendi nama pada tempat yang tidak perlu.

Salah : Berdasarkan **kepada** maklumat yang diberi ...

Betul : Berdasarkan maklumat yang diberi ...

Salah : ... memandu **dengan** mengikut had laju yang ditetapkan.

Betul : ... memandu mengikut had laju yang ditetapkan.

Salah : Selain **daripada** itu, para pemandu juga perlulah berhati-hati.

Betul : Selain itu, para pemandu juga perlulah berhati-hati.

Salah : Menurut **kepada** media massa ...

Betul : Menurut media massa ...

Salah : Berdasarkan **pada** keterangan yang dibuat ...

Betul : Berdasarkan keterangan yang dibuat ...

Salah : **Dalam** pihak JPJ mestilah mengenakan hukuman yang berat.

Betul : Pihak JPJ mestilah mengenakan hukuman yang berat.

- (iv) Tidak tepat menggunakan kata sendi nama
- Salah : Di sekolah haruslah mengadakan ceramah tentang keselamatan di jalan raya.
- Betul : Pihak sekolah haruslah mengadakan ceramah tentang keselamatan di jalan raya.
- Salah : Kemalangan berpunca daripada kecuaian manusia seperti memandu dengan menggunakan telefon bimbit.
- Betul : Kemalangan berpunca daripada kecuaian manusia seperti memandu sambil menggunakan telefon bimbit.
- Salah : Kita perlu sayang kepada nyawa kita.
- Betul : Kita perlu sayang akan nyawa kita.
- Salah : ... ialah punca penting di kematangan di jalan raya.
- Betul : ... ialah punca penting berlakunya kematangan di jalan raya.
- Salah : Kematangan banyak berlaku di hujan.
- Betul : Kematangan banyak berlaku semasa hujan.
- Salah : Kematangan di jalan raya kebanyakannya pada muda-mudi.
- Betul : Kematangan di jalan raya kebanyakannya melibatkan muda-mudi.

E) Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan (M5)

Kesalahan ini berlaku kerana pelajar tidak menggunakan kata bilangan pada tempat yang perlu atau sebaliknya, atau tidak tepat menggunakan kata bilangan.

Salah : **Kedua pemandu** itu terkorban.

Betul : **Kedua-dua pemandu** itu terkorban.

Salah : **Ketiga pemandu** tersebut tidak dapat bekerjasama ...

Betul : **Ketiga-tiga pemandu** tersebut tidak dapat bekerjasama
...

Salah : **Kedua penunggang** motosikal itu cedera parah.

Betul : **Kedua-dua penunggang** motosikal itu cedera parah.

Salah : **Seluruh buah negara** mengadakan kempen keselamatan jalan raya.

Betul : **Seluruh negara** mengadakan kempen keselamatan jalan raya.

Salah : **Setengah pemandu** yang tidak bertanggungjawab...

Betul : **Sesetengah pemandu** yang tidak bertanggungjawab...

Salah : Pada pendapat saya setiap sekolah mesti mempunyai **satu orang** penjaga untuk ...

Betul : Pada pendapat saya setiap sekolah mesti mempunyai **seorang** penjaga untuk ...

F) Kesalahan Penggunaan Kata Bantu (M6)

Jenis kesalahan ini terbit daripada dua punca, iaitu:

- (i) Salah penggunaan kata bantu

Salah : ... tidak **hendak** mematuhi peraturan.

Betul : ... tidak **mahu** mematuhi peraturan.

Salah : Pemandu itu membrek keretanya kerana **boleh** berhenti.

Betul : Pemandu itu membrek keretanya kerana **mahu** berhenti.

Salah : Mereka yang sudah mencapai umur tujuh belas tahun **dapat** mendapatkan lesen memandu.

Betul : Mereka yang sudah mencapai umur tujuh belas tahun **boleh** mendapatkan lesen memandu.

Salah : Semua pemandu **boleh** mematuhi peraturan jalan raya.

Betul : Semua pemandu **mesti** mematuhi peraturan jalan raya.

Salah : Rakyat **dapat** cinta akan negara.

Betul : Rakyat **harus** cinta akan negara.

Salah : Dia **boleh** membeli kereta setelah bekerja.

Betul : Dia **dapat** membeli kereta setelah bekerja.

(ii) Tidak menggunakan kata bantu pada tempat yang perlu

Salah : Kedua-dua pihak bekerjasama untuk mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

Betul : Kedua-dua pihak **perlu** bekerjasama untuk mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

Salah : Kemalangan di jalan raya dikurangkan melalui penguatkuasaan undang-undang.

Betul : Kemalangan di jalan raya **dapat** dikurangkan melalui penguatkuasaan undang-undang.

Salah : Kita mematuhi peraturan jalan raya.

Betul : Kita **mesti** mematuhi peraturan jalan raya.

Salah : Mereka pulang lagi walaupun hari sudah lewat.

Betul : Mereka **belum** pulang lagi walaupun hari sudah lewat.

Salah : Papan tanda haruslah diletakkan di tempat yang strategik supaya dilihat oleh pemandu.

Betul : Papan tanda haruslah diletakkan di tempat yang strategik supaya **dapat** dilihat oleh pemandu.

Salah : Kerajaan mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

Betul : Kerajaan **perlu** mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

G) Kesalahan Penggunaan Kata Penegas (M7)

Kesalahan penggunaan kata penegas berlaku kerana pelajar tidak menggunakan kata penegas pada tempat yang sepatutnya, atau sebaliknya.

Salah : ... lebih-lebih apabila mereka berada di jalan raya.

Betuk : ... lebih-lebih **lagi** apabila mereka berada di jalan raya.

Salah : Denda itu tidak tinggi, RM300.

Betul : Denda itu tidak tinggi, **cuma** RM300.

Salah : **Ini** peluang yang dicari-cari oleh mereka.

Betul : **Inilah** peluang yang dicari-cari oleh mereka.

Salah : Kerajaan **pun** mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

Betul : Kerajaan **perlu** mewujudkan sistem jalan raya yang baik.

Salah : **Pernah** mereka fikir bahayanya berlumba-lumba di jalan raya?

Betul : **Pernakah** mereka fikir bahayanya berlumba-lumba di jalan raya?

Salah : **Inilah** berpunca daripada kecuaian manusia.

Betul : **Ini** berpunca daripada kecuaian manusia.

H) Kesalahan Penggunaan Kata Tanya (M8)

Kesalahan penggunaan kata tanya terbahagi kepada dua punca; iaitu penggunaan kata tanya yang tidak tepat dan menggunakan kata tanya di tempat kata hubung. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Salah : **Di apakah** kemalangan itu berlaku?

Betul : **Di manakah** kemalangan itu berlaku?

Salah : Mereka tidak tahu **apa** yang terlibat dalam kemalangan itu.

Betul : Mereka tidak tahu **siapa** yang terlibat dalam kemalangan itu.

Salah : **Macamanakah** kita boleh mengatasi kemalangan ...

Betul : **Bagaimanakah** kita boleh mengatasi kemalangan ...

Salah : Mereka terperanjat **bila** mendengar berita kematian ...

Betul : Mereka terperanjat **apabila** mendengar berita kematian ...

Salah : **Bila** tiba musim perayaan ...

Betul : **Apabila** tiba musim perayaan ...

Salah : Pemandu perlu berhati-hati **bila** hari hujan.

Betul : Pemandu perlu berhati-hati **apabila** hari hujan.

I) Kesalahan Penggunaan Kata Hubung (M9)

Kesalahan penggunaan kata hubung terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

(i) Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan relatif

Menggunakan kata hubung pancangan relatif pada tempat yang tidak perlu atau sebaliknya.

Salah : ... pemandu yang terlibat dalam perlumbaan motosikal **yang** haram.

Betul : ... pemandu yang terlibat dalam perlumbaan motosikal haram.

Salah : Selain itu, pihak berkenaan boleh mengadakan ceramah **yang** mengenai keselamatan jalan raya.

Betul : Selain itu, pihak berkenaan boleh mengadakan ceramah mengenai keselamatan jalan raya.

Salah : ... meminum minuman **yang** keras.

Betul : ... meminum minuman keras.

Salah : Pejalan kaki tidak menggunakan jejantas perlu dihukum.

Betul : Pejalan kaki **yang** tidak menggunakan jejantas perlu dihukum.

Salah : Jangan mengganggu orang sedang memandu.

Betul : Jangan mengganggu orang **yang** sedang memandu.

Salah : Oleh demikian, tindakan tegas haruslah diambil terhadap mereka.

Betul : Oleh **yang** demikian, tindakan tegas haruslah diambil terhadap mereka.

(ii) Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan keterangan

Terdapat dua jenis kesalahan yang berkait dengan penggunaan kata hubung pancangan keterangan, iaitu:

a) Tidak menggunakan kata hubung pancangan keterangan pada tempat yang perlu

Salah : ... mengingatkan pemandu memandu dengan berhati-hati.

Betul : ... mengingatkan pemandu **supaya** memandu dengan berhati-hati.

Salah : Kenderaan yang selamat perlu digunakan memandu.

Betul : Kenderaan yang selamat perlu digunakan **sewaktu** memandu.

Salah : Pemandu juga diingatkan bersopan semasa memandu.

Betul : Pemandu juga diingatkan **supaya** bersopan semasa memandu.

Salah : ... menyedarkan pemandu memandu kereta dengan berhati-hati.

Betul : ... menyedarkan pemandu **supaya** memandu kereta dengan berhati-hati.

Salah : ... memberi amaran kepada remaja memandu dengan berhati-hati.

Betul : ... memberi amaran kepada remaja **supaya** memandu dengan berhati-hati.

Salah : ... supaya pemandu tidak meminum arak memandu.

Betul : ... supaya pemandu tidak meminum arak **sebelum** memandu.

b) Tidak tepat atau salah menggunakan kata hubung pancangan keterangan

Salah : Kecelakaan ini berpunca **kerana** pemandu yang cuai.

Betul : Kecelakaan ini berpunca **daripada** pemandu yang cuai.

Salah : Kemalangan sering berlaku **kerana** di bandar-bandar.

Betul : Kemalangan sering berlaku **terutamanya** di bandar-bandar.

Salah : Saya **semoga** kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Betul : Saya **berharap** kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Salah : ... dapat mengelakkan kemalangan **supaya** berlaku.

Betul : ... dapat mengelakkan kemalangan **daripada** berlaku.

Salah : Sekatan jalan raya diadakan **supaya** memastikan ...

Betul : Sekatan jalan raya diadakan **untuk** memastikan ...

Salah : Walaupun kerajaan sering menyeru rakyat **kerana** berhati-hati di jalan raya ...

Betul : Walaupun kerajaan sering menyeru rakyat **supaya** berhati-hati di jalan raya ...

(iii) Kesalahan penggunaan kata hubung gabungan

Seperti juga dengan penggunaan kata hubung pancangan keterangan, terdapat dua jenis kesalahan kata hubung gabungan:

- a) Tidak menggunakan kata hubung gabungan pada tempat yang perlu atau sebaliknya

Salah : ... bukan sahaja tidak mempunyai lesen memandu dengan laju.

Betul : ... bukan sahaja tidak mempunyai lesen **malahan** memandu dengan laju.

Salah : ... seperti surat khabar, televisyen, radio.

Betul : ... seperti surat khabar, televisyen, dan radio.

Salah : Dia memandu mendengar radio.

Betul : Dia memandu **sambil** mendengar radio.

Salah : Kadar kemalangan yang meningkat **dan** berpunca daripada kecuaian manusia.

Betul : Kadar kemalangan yang meningkat berpunca daripada kecuaian manusia.

Salah : **Tetapi** ceramah tentang keselamatan jalan raya perlu diadakan di sekolah.

Betul : Ceramah tentang keselamatan jalan raya perlu diadakan di sekolah.

Salah : Lelaki mahupun **sambil** perempuan boleh terlibat dalam kempen itu.

Betul : Lelaki mahupun perempuan boleh terlibat dalam kempen itu.

b) Tidak tepat atau salah menggunakan kata hubung gabungan

Salah : **Kecuali** itu, pemandu haruslah memastikan tali pinggan keledar sentiasa dipakai.

Betul : **Selain** itu, pemandu haruslah memastikan tali pinggan keledar sentiasa dipakai.

Salah : **Kecuali** itu, mereka juga haruslah berhati-hati ketika memandu.

Betul : **Selain** itu, mereka juga haruslah berhati-hati ketika memandu.

Salah : Merokok **lalu** memandu boleh menyebabkan kemalangan.

Betul : Merokok **sambil** memandu boleh menyebabkan kemalangan.

Salah : Sama ada kita letih **dan** tidak, kita perlulah berhati-hati.

Betul : Sama ada kita letih **atau** tidak, kita perlulah berhati-hati.

Salah : Dalam kemalangan itu, dua orang terbunuh **sambil** tiga orang lagi cedera parah.

Betul : Dalam kemalangan itu, dua orang terbunuh **manakala** tiga orang lagi cedera parah.

Salah : Pemandu haruslah mengikut undang-undang lalu lintas **dan** kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Betul : Pemandu haruslah mengikut undang-undang lalu lintas **supaya** kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

J) Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri (M10)

Kesalahan penggunaan kata pemeri terbahagi kepada dua punca, iaitu:

(i) Kesalahan meletakkan kata pemeri ‘ialah’ dan ‘adalah’

Salah : Kadar kemalangan di negara kita **ialah** yang paling tinggi.

Betul : Kadar kemalangan di negara kita **adalah** yang paling tinggi.

Salah : Maklumat itu **ialah** tidak tepat.

Betul : Maklumat itu **adalah** tidak tepat.

Salah : Perkara yang penting **adalah** mengadakan kempen keselamatan jalan raya.

Betul : Perkara yang penting **ialah** mengadakan kempen keselamatan jalan raya.

Salah : Perkara yang perlu diteliti **adalah** penguatkuasaan undang-undang.

Betul : Perkara yang perlu diteliti **ialah** penguatkuasaan undang-undang.

Salah : Golongan muda **ialah** sebagai contoh.

Betul : Golongan muda **adalah** sebagai contoh.

Salah : Golongan pemimpin ialah sebagai teladan ...

Betul : Golongan pemimpin adalah sebagai teladan ...

(ii) Menggunakan kata pemeri pada tempat yang tidak perlu atau sebaliknya

Salah : Kemalangan **ialah** berpunca daripada kecuaian manusia.

Betul : Kemalangan berpunca daripada kecuaian manusia.

Salah : Pada musim perayaan **adalah** banyak berlaku kemalangan.

Betul : Pada musim perayaan banyak berlaku kemalangan.

Salah : Negara kita **adalah** berada di tempat ketiga yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi.

Betul : Negara kita berada di tempat ketiga yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi.

Salah : Langkah-langkah yang perlu diambil seperti yang berikut...

Betul : Langkah-langkah yang perlu diambil **adalah** seperti yang berikut...

Salah : Kadar kemalangan bertambah **ialah** pada musim perayaan.

Betul : Kadar kemalangan bertambah pada musim perayaan.

Salah : Yang **pentingnya bekerjasama** dan kesedaran daripada pelbagai pihak.

Betul : Yang **penting ialah kerjasama** dan kesedaran daripada pelbagai pihak.

4.5.3 Kesalahan Sintaksis

Berdasarkan kekerapan kesalahan yang dikesan dalam karangan contohan, berikut diperturunkan beberapa jenis contoh kesalahan sintaksis yang diberi tumpuan dalam kajian ini. Seperti dengan bahagian morfologi, tiap-tiap jenis kesalahan sintaksis disenaraikan dan diberi rujukan (S1, S2, dan seterusnya) mengikut kategori. Ada juga kategori-kategori ini yang mempunyai subkategori.

A) Struktur Ayat Aktif (S1)

Jenis kesalahan ini terbahagi kepada tiga, iaitu:

(i) Ayat tergantung, iaitu sama ada (a) tidak ada subjek atau (b) tidak ada predikat, terutamanya yang berbentuk frasa kerja

(a) Tidak ada subjek

Salah : **Adalah** berpunca daripada kecuaian manusia.

Betul : **Kemalangan** berpunca daripada kecuaian manusia.

Salah : Keadaan cuaca seperti hujan lebat jalan raya menjadi licin.

Betul : Keadaan cuaca seperti hujan lebat **menyebabkan** jalan raya menjadi licin.

Salah : Kemalangan di jalan raya daripada kecuaian manusia.

Betul : Kemalangan di jalan raya **berpunca** daripada kecuaian manusia.

Salah : Kerajaan mestilah perhatian terhadap kemalangan di jalan raya yang semakin meningkat.

Betul : Kerajaan mestilah **memberi** perhatian terhadap kemalangan di jalan raya yang semakin meningkat.

Salah : Kita boleh langkah-langkah bagi mengatasi kemalangan.

Betul : Kita boleh **mengambil** langkah-langkah bagi mengatasi kemalangan.

Salah : Pada musim perayaan bolehlah sekatan jalan raya.

Betul : Pada musim perayaan bolehlah **diadakan** sekatan jalan raya.

(ii) Ayat yang binaannya tidak sempurna dari segi binaan frasa kerja

Salah : Kemalangan di jalan raya selalu akibat kecuaian manusia.

Betul: Kemalangan di jalan raya selalu **berlaku** akibat kecuaian manusia.

Salah : Kempen Keselamatan Jalan Raya untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Betul : Kempen Keselamatan Jalan Raya **diadakan** untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Salah : Kita harus **perlahan-lahan semasa memandu** ketika hari hujan.

Betul : Kita harus **memandu dengan perlahan-lahan** ketika hari hujan.

Salah : Pada musim perayaan jalan raya **mesti mempunyai banyak kereta**.

Betul : Pada musim perayaan jalan raya **dipenuhi dengan kenderaan**.

Salah : Pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya banyak kemalangan.

Betul : Pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya banyak **berlaku** kemalangan.

Salah : Pemandu yang **bersalah besar** akan dipenjarakan.

Betul : Pemandu yang **melakukan kesalahan besar** akan dipenjarakan.

(iii) Seluruh binaan ayat aktif salah

Salah : **Adalah banyak murid-murid tidak melihat berjalan.**

Betul : **Murid-murid tidak berhati-hati sewaktu berjalan kaki.**

Salah : Ini akan **menjadi orang mati meningkat**.

Betul : Ini akan **meningkatkan jumlah kematian**.

Salah : **Jerebu boleh buat kita tak nampak.**

Betul : **Keadaan berjerebu boleh menghalang penglihatan kita.**

Salah : Kemalangan kecuaian manusia.

Betul : Kemalangan **berpunca daripada** kecuaian manusia.

Salah : **Pemandu mestilah kenderaan kelajuan memandu di jalan raya.**

Betul : **Pemandu haruslah memandu kenderaan mereka mengikut had laju yang ditetapkan.**

Salah : Pihak sekolah perlu mengadakan keselamatan.

Betul : Pihak sekolah perlu mengadakan **ceramah tentang keselamatan di jalan raya**.

B) Struktur Ayat Pasif (S2)

Kesalahan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

(i) Kesalahan membentuk ayat pasif pelaku pertama dan kedua

Salah : ... melibatkan perkara-perkara yang dipelajari oleh **kami**.

Betul : ... melibatkan perkara-perkara yang **kami** pelajari.

Salah : Kereta yang dipandu **oleh saya** turut terbasas.

Betul : Kereta yang **saya** pandu turut terbasas.

Salah : Nasihat itu perlu dituruti **oleh kamu**.

Betul : Nasihat itu perlu **kamu** turuti.

Salah : Perhatian yang berat haruslah diberikan **oleh saudara** bagi mengurangkan masalah tersebut.

Betul : Perhatian yang berat haruslah **saudara** berikan bagi mengurangkan masalah tersebut.

Salah : Buku-buku yang disediakan itu hendaklah dibaca **oleh anda**.

Betul : Buku-buku yang disediakan itu hendaklah **anda** baca.

Salah : Langkah-langkah mengatasi masalah itu perlu diambil **oleh kalian** dengan seberapa segera yang boleh.

Betul : Langkah-langkah mengatasi masalah itu perlu **kalian** ambil dengan seberapa segera yang boleh.

(ii) Kesalahan membentuk ayat pasif pelaku ketiga

Salah : **Kalau** semua ini **membuatkannya**, sudah tentu kadar kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Betul : **Jika** semua ini **dapat dilakukan**, sudah tentu kadar kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Salah : Kenderaan yang mereka potong ...

Betul : Kenderaan yang dipotong oleh mereka ...

Salah : Kereta yang **dipandu** oleh dia ...

Betul : Kereta yang **dipandu** olehnya ...

Salah : Masalah itu, **Kementerian Pengangkutan** sudah atasi.

Betul : Masalah itu sudah diatasi oleh **Kementerian Pengangkutan**.

Salah : Masalah yang **mereka hadapi** adalah akibat dan sikap mereka sendiri.

Betul : Masalah yang **dihadapi oleh mereka** adalah akibat **daripada** sikap mereka sendiri.

Salah : Pelbagai tindakan boleh **kerajaan ambil**.

Betul : Pelbagai tindakan boleh **diambil oleh kerajaan**.

C) Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris (S3)

Antara contoh kesalahan struktur ayat terjemahan bahasa Inggeris ialah:

Salah : ... menggunakan cara-cara **di mana** mengatas kemalangan jalan raya.

Betul : ... menggunakan cara-cara **untuk** mengatas kemalangan jalan raya.

Salah : ... **seperti mana** yang kita **mengetahui** melalui media massa.

Betul : ... **seperti** yang kita **ketahui** melalui media massa.

Salah : **Di mana** mereka harus bertanggungjawab terhadap kemalangan itu.

Betul : Mereka harus bertanggungjawab terhadap kemalangan itu.

Salah : Para pemandu **yang mana** majoritinya terdiri daripada mereka yang tidak berpengalaman.

Betul : Para pemandu **yang** majoritinya terdiri daripada mereka yang tidak berpengalaman.

Salah : **Yang mana ini semua** tidak sesuai dengan keadaan.

Betul : **Semua ini** tidak sesuai dengan keadaan.

Salah : **Yang mana** kita perlu berhati-hati di jalan raya.

Betul : Kita perlu berhati-hati di jalan raya.

D) Struktur Ayat Majmuk Gabungan (S4)

Antara contoh kesalahan ayat majmuk gabungan ialah kesalahan yang terbit daripada binaan ayat majmuk yang gabungannya kurang sempurna, sama ada kerana tidak mengulang kata sendi nama, atau mengulang frasa nama yang sama, atau binaan yang kurang sempurna.

Salah : Ceramah tersebut sesuai bukan sahaja untuk pemandu tetapi juga pejalan kaki.

Betul : Ceramah tersebut sesuai bukan sahaja untuk pemandu tetapi juga **untuk** pejalan kaki.

Salah : Jangan memandu dengan laju, sama ada di bandar atau kampung.

Betul : Jangan memandu dengan laju, sama ada di bandar atau **di kampung**.

Salah : Kita perlulah berhati-hati di rumah dan jalan raya.

Betul : Kita perlulah berhati-hati di rumah dan **di** jalan raya.

Salah : **Guru memandu dengan laju dan pelajar memandu dengan laju.**

Betul : **Guru dan pelajar memandu dengan laju.**

Salah : Perlumbaan bermula apabila dia **memandu dan abangnya memandu**.

Betul : Perlumbaan bermula apabila dia **dan abangnya memandu**.

Salah : **Dan juga kerajaan** boleh menambahkan lampu isyarat dan papan tanda.

Betul : **Kerajaan juga** boleh menambahkan lampu isyarat dan papan tanda.

E) Struktur Ayat Majmuk Pancangan (S5)

Kesalahan struktur ayat majmuk pancangan terbahagi kepada tiga, iaitu:

- (i) Kesilapan struktur ayat relatif - tiada kata hubung sebagai penanda relatif

Salah : ... membaiki sistem jalan raya kurang sempurna.

Betul : ... membaiki sistem jalan raya **yang** kurang sempurna.

Salah : ... untuk mengurangkan kadar kemalangan tinggi.

Betul : ... untuk mengurangkan kadar kemalangan **yang** tinggi.

Salah : Kadar kemalangan di jalan raya di negara kita semakin meningkat telah membimbangkan pihak kerajaan.

Betul : Kadar kemalangan di jalan raya di negara kita **yang** semakin meningkat telah membimbangkan pihak kerajaan.

Salah : Kadar kemalangan meningkat telah disiarkan melalui media massa.

Betul : Kadar kemalangan **yang** meningkat telah disiarkan melalui media massa.

Salah : Kerajaan perlu mewujudkan sistem jalan raya baik.

Betul : Kerajaan perlu mewujudkan sistem jalan raya **yang** baik.

Salah : Mereka ditangkap perlu diberi amaran.

Betul : Mereka **yang** ditangkap perlu diberi amaran.

(ii) Kesilapan struktur ayat keterangan - tiada kata hubung sebagai penanda keterangan

Salah : ... mengadakan sekatan jalan dan Operasi Lalu Lintas memastikan kenderaan selamat digunakan.

Betul : ... mengadakan sekatan jalan dan Operasi Lalu Lintas **untuk** memastikan kenderaan selamat digunakan.

Salah : ... menyedarkan pemandu memandu dengan cermat.

Betul : ... menyedarkan pemandu **supaya** memandu dengan cermat.

Salah : Ceramah tersebut perlu diadakan di sekolah murid-murid dapat memahaminya.

Betul : Ceramah tersebut perlu diadakan di sekolah **agar** murid-murid dapat memahaminya.

Salah : Dia terlibat dalam kemalangan berlumba-lumba.

Betul : Dia terlibat dalam kemalangan **kerana** berlumba-lumba.

Salah : Kerajaan harus berusaha bersungguh-sungguh berjaya menangani masalah ini.

Betul : Kerajaan harus berusaha bersungguh-sungguh **sehingga** berjaya menangani masalah ini.

Salah : Para pemandu perlu bertolak ansur tidak menimbulkan kemarahan antara satu sama lain.

Betul : Para pemandu perlu bertolak ansur **agar** tidak menimbulkan kemarahan antara satu sama lain.

(iii) Ayat majmuk keterangan yang lemah binaannya

Salah : **Kalau pemandu kereta telah berjenayah tentang peraturan, undang-undang pemandu dipenjarakan.**

Betul : **Kalau pemandu kereta telah melanggar peraturan dan undang-undang, dia perlu dipenjarakan.**

Salah : Kemalangan tidak berlaku tiadalah kerugian.

Betul : **Jika** kemalangan tidak berlaku tiadalah kerugian.

Salah : Pemandu berhati-hati, kemalangan tidak akan berlaku.

Betul : **Jika** pemandu berhati-hati kemalangan tidak akan berlaku.

Salah : Saya harap mereka **boleh diambil untuk** mengurangkan kadar kemalangan.

Betul : Saya **berharap** mereka **dapat mengambil langkah bagi** mengurangkan kadar kemalangan.

Salah : Kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh kita mahu berjaya.

Betul : Kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh **sekiranya** kita mahu berjaya.

Salah : Berkereta kecil, dia memandu dengan laju.

Betul : **Sungguhpun** berkereta kecil, dia memandu dengan laju.

F) Struktur Ayat Majmuk Campuran (S6)

Kesalahan struktur ayat majmuk campuran dikategorikan sebagai kesalahan pada keseluruhan binaan/struktur ayat majmuk campuran. Antara contoh kesalahan ini ialah:

Salah : ... berhati-hati di jalan raya supaya tidak berlaku kemalangan yang **menyediakan ahli keluarganya**.

Betul : ... berhati-hati di jalan raya supaya tidak berlaku kemalangan yang **boleh menimbulkan kesedihan ahli keluarga yang terbabit**.

Salah : **Berkongsi kereta kempen di Kuala Lumpur perlu diadakan mengelak kesesakan lalu lintas pulang waktu pejabat.**

Betul : **Kempen berkongsi kereta di Kuala Lumpur perlu diadakan untuk mengelak kesesakan lalu lintas pada waktu pulang dari pejabat.**

Salah : **Haruslah kerajaan mengenakan hukuman berat terhadap pemandu yang melanggar peraturan terutama pemandu yang memandu selepas minum arak dan pemandu yang berlumba-lumba haram di jalan raya, seperti mengenakan denda yang tinggi, lesen digantung dan dipenjarakan.**

Betul : **Kerajaan haruslah mengenakan hukuman yang berat seperti denda yang tinggi, lesen digantung atau dipenjarakan terhadap pemandu yang melanggar peraturan termasuklah pemandu yang mabuk dan berlumba-lumba.**

Salah : Langkah yang perlu diambil oleh kerajaan adalah terhadap mereka yang hendak memperoleh lesen hendaklah memenuhi lapan belas tahun menukar kepada dua puluh tahun kerana fikiran mereka yang kanak-kanak akan membawa mereka ke tempat maut.

Betul : Kerajaan harus mengambil langkah menaikkan tahap umur pemandu yang ingin memiliki lesen kereta daripada lapan belas tahun kepada dua puluh tahun kerana mereka lebih matang pada usia tersebut.

Salah : Perkara yang boleh kadar kemalangan ialah adalas mesti berjaga di lebih raya, mematu, JPJ boleh menggunakan perkenan di jalan raya.

Betul : Perkara yang boleh mengurangkan kadar kemalangan ialah pemandu perlu berhati-hati dan mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh JPJ.

Salah : Saya sangat sukacita kerana satu tahun ini ada banyak orang mati.

Betul : Saya berasa sangat dukacita kerana ramai yang terkorban dalam kemalangan di jalan raya pada tahun ini.